



PELAJAR FPP bergambar kenangan bersama Sabran dan Hairuni.

Dua alumni UMS jayakan Program Mentor Akademik FPP

KOTA KINABALU: Dua alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan perkongsian pengalaman untuk pelajar Fakulti Psikologi Pendidikan (FPP) UMS dalam Program Mentor Akademik (Academic Mentoring) di kampus itu.

Menurut kenyataan Pusat Alumni UMS, dua alumni berkenaan ialah Penolong Ketua Pengarah (Kaunseling) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Hairuni Kasuagi (alumni FPP sesi 1999-2002) dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (Persekutuan) Negeri Sabah Sabran Abd Bahar (alumni FPP 1998-


2001).

Program yang dianjurkan FPP itu bertujuan meningkatkan pencapaian motivasi dan akademik dalam kalangan pelajar fakulti berkenaan yang dibahagikan kepada tiga kumpulan sasaran iaitu pelajar yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dibawah 2.50, PNGK 3.67 ke atas dan pelajar dari kategori pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40).

Pada program itu, Hairuni dan Sabran masing-masing berkongsi ilmu dan pengalaman semasa bergelar mahasiswa UMS termasuk

pencapaian dan cabaran yang dilalui sepanjang mengikuti pengajian, di samping menerapkan kesedaran akan kepentingan akademik serta kemahiran insaniah sebagai bekalan untuk kejayaan pada masa hadapan.

Turut mengadakan perkongsian ilmu ialah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FPP merangkap Penyelaras Program Dr Getrude Cosmas dan Pensyarah Kanan FPP Dr Lailawati Md Edalan melalui slot refleksi diri dan pembinaan sahsiah diri menerusi kecerdasan emosi.



SABRAN ketika berkongsi pengalaman kepada para pelajar.